

Sabtu, Mac 31 2018

Tiga mekanisme jika mansuh GST

Oleh ZUNAIDAH ZAINON
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 30 Mac - Bank Dunia menggariskan tiga mekanisme yang perlu dilaksanakan sekiranya ada pihak mahu cukai barang dan perkhidmatan (GST) dimansuhkan yang dilihat akan menambah beban kepada rakyat.

Ahli Ekonomi Kanan (Kemiskinan dan Ekuiti) Bank Dunia, Kenneth Simler berkata, kerajaan pemerintah ketika itu perlu menaikkan cukai untuk rakyat, meningkatkan kadar defisit negara atau terpaksa mengurangkan perbelanjaan untuk pembangunan.

Bagaimanapun katanya, terdapat kemungkinan besar ketiga-tiga langkah itu harus digabungkan supaya ia terus menjana pendapatan kepada negara.

"Sama ada realistik atau tidak (langkah berkenaan), ia mungkin satu pendekatan drastik walaupun sebelum ini ia tidak pernah dibuat kerana Malaysia tidak ada GST tiga tahun lalu. Namun begitu, cukai ini memberi sumber

pendapatan kepada kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sesi panel perbincangan mengenai ekonomi Malaysia dan mengulas pembentangan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) anjuran Persatuan Ekonomi Malaysia (MEA) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Presiden MEA, Tan Sri Dr. Sulaiman Mahbob. Sesi tersebut disertai Pengarah Jabatan Dasar Monetari BNM, Dr. Norhana Endut; Pengerusi Bank Muamalat Malaysia Berhad, Tan Sri Dr. Mohd. Munir Majid; Ketua Penyelidik RAM Rating Services Berhad, Kristina Fong dan Ketua Penyelidik Serantau, Asia Tenggara Standard Chartered Bank Singapura, Edward Lee.

Gabenor BNM, Tan Sri Muhammad Ibrahim pada Rabu lalu berkata, GST bukan punca utama yang meningkatkan kos sara

hidup rakyat di negara ini sebaliknya terdapat beberapa faktor lain terutama berkait dengan pendapatan dan peningkatan produktiviti.

Sementara itu, Edward berkata, ringgit dijangka mengukuh antara RM3.70 sehingga RM3.75 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) pada separuh kedua tahun ini.

"Berdasarkan anggaran kami, dolar AS masih terlebih nilai dan ringgit pula antara mata wang di rantau ini yang berada di bawah nilai, justeru, sukar untuk menentukan sama ada ringgit boleh mencapai nilai

saksama ataupun tidak," katanya.

Mengenai kebimbangan perang dagangan antara China dan AS, beliau berkata, Malaysia hanya mengalami kesan minimum dan dijangka meraih sedikit impak positif memandangkan negara merupakan antara pengeksport utama kepada dua kuasa ekonomi dunia itu.



KENNETH SIMLER